

0  
1  
1

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI SEMBILAN**

**Pra-UPSR SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH NEGERI SEMBILAN 2009**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**  
**Julai**

**011**

50 minit

**Lima puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**[Lihat Sebelah**

**011**

**Soalan 1 - 20**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.


**Soalan 1** berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Mamat \_\_\_\_\_ Wak Karim kerana kakinya cedera setelah terjatuh di dalam longkang.  
A memimpin  
B mendukung  
C memapah  
D memaut
- 2 “Kesudian \_\_\_\_\_ untuk mencemar duli di kampung ini membuatkan kita berasa bangga,” kata Ketua Kampung Damai kepada anak-anak buahnya.  
A beta  
B patik  
C tuanku  
D baginda
- 3 Kamal \_\_\_\_\_ belum tidur walaupun hari sudah jauh malam.  
A akan  
B boleh  
C masih  
D sedang
- 4 \_\_\_\_\_ hujan turun, mereka masih bermain bola sepak di padang.  
A Sekiranya  
B Tatkala  
C Andaikata  
D Sementara

- 5 Hamidun begitu \_\_\_\_\_ mendengar ceramah itu hingga tidak sedar begnya dicuri.
- A lena
  - B pegun
  - C khusyuk
  - D khayal
- 6 Encik Johnson amat tertarik \_\_\_\_\_ puisi yang disampaikan oleh Aini.
- A dengan
  - B kepada
  - C pada
  - D oleh
- 7 Setem berharga tiga puluh sen dilekatkan \_\_\_\_\_ sampul surat itu.
- A di
  - B ke
  - C pada
  - D kepada

*Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.*



- 8 Pekerja itu \_\_\_\_\_ papan yang rosak dimakan anai-anai.
- A mencabut
  - B mengumpil
  - C menarik
  - D mengopek

- 9 Akmal yang rajin macam \_\_\_\_\_ telah dipilih sebagai ketua pasukan perkhemahan itu.
- A anai-anai
  - B Semut
  - C kuda
  - D tikus
- 10 Encik Deraman telah dilantik sebagai \_\_\_\_\_ dalam majlis persandingan penyanyi terkenal itu.
- A jurumudi
  - B jurucakap
  - C juruhebah
  - D juruacara
- 11 \_\_\_\_\_ beradik itu memang pandai melukis.
- A Dua
  - B Kedua
  - C Berdua
  - D Kedua-dua

**Soalan 12** berdasarkan gambar di bawah.



- 12 Baginda Sultan sedang \_\_\_\_\_ pingat kebesaran ke dada ayah.
- A melabelkan
  - B menampalkan
  - C menyematkan
  - D menggantungkan

- 13 Oleh sebab setiap hari mengadakan latihan kawat, suara ketua pasukan pengakap itu menjadi \_\_\_\_\_ .
- A merdu
  - B lunak
  - C mersik
  - D serak

**Soalan 14** berdasarkan gambar di bawah.



- 14 Nek Siah \_\_\_\_\_ daun pisang di atas bara api untuk dijadikan pembungkus kuih koci.
- A melayur
  - B menjemur
  - C membakar
  - D memanggang
- 15 Ubat gigi \_\_\_\_\_ syarikat itu mendapat sambutan ramai.
- A keluaran
  - B pengeluar
  - C pengeluaran
  - D mengeluarkan
- 16 Helmi \_\_\_\_\_ dengan kawannya bagi menegakkan pendapatnya yang tidak relevan.
- A bermasam muka
  - B bertegur sapa
  - C bertegang urat
  - D berkeras hati

- 17 Nasihat yang diberikan oleh Guru Disiplin kepada Zaidi \_\_\_\_\_ kerana dia tetap melanggar peraturan sekolah.
- A ibarat kambing dihalau ke air
  - B ibarat melukut di tepi gantang
  - C ibarat mencurahkan air ke daun keladi
  - D ibarat ketam mengajar anaknya berjalan betul

**Soalan 18** berdasarkan gambar di bawah.



- 18 Ibu duduk \_\_\_\_\_ semasa menanam pokok bunga di halaman rumah.
- A bersila
  - B berlutut
  - C bertinggung
  - D berlunjur
- 19 \_\_\_\_\_ Encik Zaqun anak jati Negeri Sembilan namun beliau tidak dibesarkan di sini.
- A Walhal
  - B Oleh sebab
  - C Sungguhpun
  - D Tambahan pula

- 20 Zaidi berkejar ke arah Jehan dan Akil untuk meleraikan mereka yang sedang bertumbuk.

**Perkataan seerti** bagi meleraikan ialah

- A menanggalkan
- B memisahkan
- C menyatukan
- D mendamaikan

- 21 Julia berasa gementar apabila namanya dipanggil untuk ditemu duga.

**Perkataan berlawan** bagi gementar ialah

- A tabah
- B takut
- C yakin
- D berani

**Soalan 22 – 23**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.*

- 22
- I Buku latihan Sani lega kerana dikoyakkan oleh adiknya.
  - II Kalau ada masa yang lega saya ingin berkunjung ke rumahnya.
  - III Hamdan berasa lega setelah selesai menduduki UPSR.
  - IV Dapur rumah saya lega kerana baru disambung.
- A I dan III
  - B II dan III
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 23
- I Adik ketakutan apabila mendengar deruan air hujan menimpa atap rumah.
  - II Hati Aida sayu mendengar berita bencana yang menimpa penduduk Aceh.
  - III Perasaan rindu akan ibunya tiba-tiba menimpa hati Hasmi.
  - IV Lawatan ke Melaka dibatalkan kerana tarikhnya menimpa tarikh peperiksaan.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C I dan IV
  - D III dan IV

24 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Apakah punca pencemaran bau di kawasan itu?

- A Pencemaran bau di kawasan itu berlaku sejak minggu lepas.
- B Pencemaran bau di kawasan itu semakin teruk sejak akhir-akhir ini.
- C Pencemaran bau di kawasan itu menyebabkan penduduk tidak selesa.
- D Pencemaran bau di kawasan itu disebabkan oleh sampah yang tidak dikutip.

25 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Dia kawan lama saya semasa di Terengganu. Jadi, pastilah saya mengenalinya.

- A Bilakah kamu mengenalinya?
- B Mengapakah kamu mengenalinya?
- C Di manakah kamu mengenalinya?
- D Bagaimanakah kamu mengenalinya?

**Soalan 26 – 27**

*Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

26 Vitamin dalam sayur-sayuran hijau baik untuk kesihatan.

- A Vitamin yang sihat ada dalam sayur-sayuran hijau.
- B Kesihatan yang baik terdapat dalam vitamin sayur-sayuran.
- C Sayur-sayuran hijau yang menyihatkan mengandungi vitamin.
- D Sayur-sayuran hijau mengandungi vitamin yang baik untuk kesihatan

27 Guru Besar yang telah mengilhamkan sebuah Taman Sains dibina bersebelahan dengan kolam ikan.

- A Bersebelahan Taman Sains dibina kolam ikan yang diilhamkan oleh Guru Besar.
- B Taman Sains yang telah diilhamkan oleh Guru Besar dibina di sebelah kolam ikan.
- C Taman Sains dan kolam ikan yang dibina bersebelahan adalah ilham Guru Besar.
- D Guru Besar telah membina Taman Sains yang diilhamkan oleh kolam ikan di sebelahnya.

**Soalan 28 – 30**

*Pilih ayat yang betul.*

- 28    A    Bawalah apa sahaja makanan yang ada.  
      B    Ambillah mana barang yang kamu suka.  
      C    Sesiapapun tidak dibenarkan meninggalkan tempat itu.  
      D    Seorang telah mengambil buku di atas meja itu.
- 29    I    Azlan meninggalkan majlis itu di dalam kehampaan.  
      II    Makanan yang disajikan oleh ibu masih belum berusik.  
      III    Petani berasa bimbang bila hujan semakin lebat.  
      IV    Kami terus terdiam apabila guru disiplin datang.
- A    I dan II  
      B    I dan III  
      C    II dan IV  
      D    III dan IV
- 30    I    Surihani lebih tinggi daripada Shafikah.  
      II    Di hari minggu pantai Port Dickson penuh dengan orang ramai.  
      III    Kita jangan sekali menghina orang yang miskin.  
      IV    Kehijauan pepohon itu menyegarkan pandangan.
- A    I dan III  
      B    I dan IV  
      C    I, II dan IV  
      D    II, III dan IV

**Soalan 31 – 35**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

[Lihat sebelah

Hujan lebat baru reda, namun nyanyiannya masih kedengaran di cucur atap. Kadir duduk meringkuk memeluk lututnya. Malam yang dingin itu bagai menggigit-gigit kulit dan tulangnya. Dalam cahaya pelita yang samar-samar itu, Kadir memerhatikan deretan adik-adiknya, Fikri, Azam dan Esah yang telah lama dibuai mimpi. Tiba-tiba hatinya sayu memikirkan hal mereka. “Andai sesuatu terjadi kepada ayah, bagaimanalah nasib kita, dik?” bisik hatinya.

“Sudahlah Kadir, pergi kamu tidur, esok nak ke sekolah,” pintas Mak Leha memutuskan lamunan Kadir.

“Ke mana ayah pergi, mak? Dah tengah malam tak balik-balik. Bahaya ke hutan seorang diri,” tanya Kadir kepada ibunya. “Entahlah, agaknya kerana hujan lebat, dia berteduh di mana-mana. Sekejap lagi pulanglah dia. Pergilah tidur, biar mak saja yang tunggu,” kata Mak Leha sambil menyembunyikan kerisauannya yang semakin memuncak.

“Kadir tak mahu tidur selagi ayah tak balik. Mak, Kadir tahu sejak akhir-akhir ini, ayah bekerja keras untuk mengumpulkan duit persekolahan kami adik-beradik. Kasihan ayah, kurus kering badannya. Kadir nak bekerja ayah tak izinkan. Petang tadi Kadir nak mengikut ayah mencari rotan pun ayah tak izinkan,” ujar Kadir lagi.

“Kadir, kamu masih bersekolah. Tanggungjawab kamu belajar bersungguh-sungguh. Tambahan pula, kamu akan menduduki peperiksaan SPM tahun ini. Ayah kamu tidak mahu pelajaran kamu terjejas kerana menolongnya. Sebagai anak sulung, *tunjukkan contoh yang terbaik untuk adik-adik kamu*. Hidup kita susah,” tutur Mak Esah lagi.

Tiba-tiba terdengar bunyi pintu diketuk orang. Kadir melompat bangun untuk membuka pintu. Di atas tangga terdampar seorang lelaki yang berlumuran darah. Kedua-dua beranak itu tergamam seketika sebelum menerpa orang yang mereka kasihi.

“Ayah, apa yang berlaku?” Kadir meraung melihat keadaan ayahnya.

”Ayah diserang harimau di hutan tadi. Bawa ayah naik, ayah dah tak berdaya ni,” Pak Yop terketar-ketar menahan kesakitan.

31 Apakah yang sedang difikir oleh Kadir pada malam itu?

- A Nasib adik-adiknya
- B Keselamatan ayahnya
- C Kemiskinan keluarganya
- D Peperiksaan yang bakal menjelang

- 32 Ke manakah perginya Pak Yop?
- A Mencari rotan di hutan
  - B Memburu haiwan di hutan
  - C Mencari akar kayu di hutan
  - D Memasang perangkap di hutan
- 33 Berapa orangkah adik beradik Kadir?
- A Dua orang
  - B Tiga orang
  - C Empat orang
  - D Lima orang
- 34 Mengapakah badan Pak Yop kurus kering?
- A Dia bekerja keras
  - B Dia ada penyakit
  - C Hatinya selalu risau
  - D Sering tidur lewat malam
- 35 Rangkai kata *tunjukkan contoh yang terbaik kepada adik-adik kamu* dalam petikan di atas merujuk kepada
- A Kadir rajin membantu ayahnya mencari rezeki.
  - B Kadir mendengar nasihat ibunya.
  - C Kadir berbudi bahasa dengan adik-adiknya.
  - D Kadir berjaya dalam peperiksaan SPM.

**Soalan 36 – 40**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan berikutnya.*

KUALA LUMPUR, 2 Mac – Penggunaan Bahasa Melayu kini semakin meluas dan diiktiraf di seluruh pelosok dunia. Hal ini terbukti apabila Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri 2009 yang berlangsung di sini dari semalam hingga 7 Mac ini, berjaya menarik penyertaan masyarakat dari enam benua.

Selain peserta dari Malaysia, peserta dari Indonesia, Singapura, Thailand, Pakistan, United Kingdom, Australia, Perancis, China, Itali, Jerman, Moldova, Republik Checz, Bosnia Herzegovina, Palestin, Belarus, Rusia dan Amerika Syarikat turut mengambil bahagian. Seramai 46 orang peserta iaitu 35 orang bagi kategori antarabangsa dan 11 orang bagi kategori nusantara menyertai pertandingan berkenaan yang dianjurkan untuk tahun yang ketiga. Menurut Encik Abdul Halim Ibrahim, Pengarah Urusan AG Bestari Event, syarikat yang mengendalikan pertandingan pidato itu, antara tujuan pertandingan ini diadakan untuk membantu para peserta lebih cekap bertutur. Selain itu, katanya, pertandingan ini dapat merapatkan hubungan para peserta dan negara yang mempunyai bangsa serta budaya berbeza melalui bahasa. Beliau berkata demikian ketika taklimat dan undian khas pertandingan di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya.

Bertemakan Pengantarabangsaan Bahasa Melayu, pertandingan itu dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan. Bagi memilih para peserta, Kementerian Pelajaran Tinggi menghantar surat mengenai pertandingan ini kepada negara luar dan mana-mana universiti di negara berkenaan yang berminat menghantar wakil pelajar mereka menyertainya.

Setiap peserta perlu melalui saringan pidato mengikut tajuk yang dipilih oleh mereka. Empat orang juri akan memilih 10 orang peserta antarabangsa dan lima orang peserta nusantara untuk bertanding di peringkat separuh akhir yang akan diadakan di Universiti Malaya. Seterusnya lima orang peserta antarabangsa dan tiga orang peserta nusantara pula akan memasuki peringkat akhir yang bakal diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada hari Jumaat ini. Johan bagi setiap kategori akan membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai RM 10,983. Naib juara pula bakal memenangi piala iringan dan wang tunai RM 7,322. Manakala tempat ketiga memperoleh piala iringan dan wang tunai RM 3,661.

- 36 Siapakah penganjur Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri 2009?
- A Timbalan Perdana Menteri dan Syarikat AG Bestari Event dan Kementerian Pelajaran Tinggi
  - B Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran Tinggi dan Syarikat AG Bestari Event
  - C Syarikat AG Bestari Event, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan
  - D Kementerian Pelajaran Tinggi, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan
- 37 Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri 2009 dibahagikan kepada
- A satu kategori
  - B dua kategori
  - C tiga kategori
  - D empat kategori
- 38 Bagaimanakah cara pihak penganjur memilih para peserta yang ingin menyertai pertandingan pidato tersebut?
- A Iklan melalui akhbar.
  - B Iklan melalui internet
  - C Menghantar surat kepada negara luar
  - D Pergi ke universiti setiap negara
- 39 Di manakah pertandingan akhir pertandingan tersebut dijalankan?
- A Universiti Malaya
  - B Pejabat Syarikat AG Bestari Event
  - C Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya
  - D Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya
- 40 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
- A Semua pemenang akan menerima piala pusingan.
  - B Seramai 10 orang peserta akan bertanding pada peringkat akhir.
  - C Kali pertama pertandingan ini dijalankan pada tahun 2007.
  - D Dua peringkat perlu dilalui oleh setiap peserta sebelum menjadi juara.

**KERTAS SOALAN TAMAT**